

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL ANUAR B. WAN AHMAD [KUALA KANGSAR]

TARIKH : 16.3.2016

SOALAN :

Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk memperkasakan tulisan jawi di aliran perdana dan terutamanya generasi akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini penguasaan dan pengukuhan tulisan jawi diberi penekanan serius melalui mata pelajaran Pendidikan Islam di peringkat sekolah rendah dan menengah. Sebagai menyokong langkah tersebut Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dan buku teks Pendidikan Syariah Islamiah, Pendidikan Quran dan Sunnah, serta Pendidikan Islam peringkat sekolah rendah dan menengah dikekalkan dalam tulisan jawi untuk menyediakan persekitaran pembelajaran tulisan jawi yang secukupnya kepada murid. Bagi membantu murid lemah jawi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membina modul pemulihan jawi yang lebih mudah dan menarik.